



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
SEMENANJUNG MALAYSIA
(LAND SURVEYORS BOARD)**

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Pt.6/(97)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

NO. 2735 TINGKAT SATU
JALAN PERMATA EMPAT
TAMAN PERMATA ULU KELANG
53300 KUALA LUMPUR
Tel: 03-4085199 (Setiausaha)
Tel: 03-4085191 (Pejabat Am)
Tel: 03-4086793 (Pejabat Am)
Fax: 03-4085178

28 Mei 1998

Semua Juruukur Tanah Berlesen

Tuan,

**MEMPROSES TUNTUTAN BAYARAN KEMAJUAN 50%/60%
OLEH JURUUKUR TANAH BERLESEN APABILA
MENJALANKAN KERJA UKUR HAKMILIK STRATA.**

Lembaga Jurukur Tanah, Semenanjung Malaysia (Lembaga) sukacita merujuk kepada Pekeliling KPUP 3/1998 yang mula berkuatkuasa pada 21 April 1998. Di bawah perenggan 4.2, Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri (JUPEN) diarah membuat semakan awal terhadap Pelan Strata yang dikemukakan oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB) untuk memastikan produktiviti dan penghasilan kerja bermutu. Setelah membuat penyemakan dalam tempoh 3 minggu, JUPEN terbabit akan memaklumkan kepada Lembaga sama ada Pelan Strata yang dikemukakan berserta dokumen berkaitan boleh diterima atau ditolak. Untuk makluman tuan, bersama-sama ini disertakan satu salinan surat Bil. KTPK 19/2/4.00 Jld.5(17) bertarikh 30 April 1998 dengan format laporan menurut keperluan yang dinyatakan di atas.

2. Sementara itu, JTB boleh mengemukakan seperti biasa Borang LJT 13 kepada Lembaga untuk membuat tuntutan bayaran kemajuan 50%/60% daripada bayaran ukur yang dipertaruhkan dengan Lembaga. Walaubagaimanapun, tuntutan berkenaan hendaklah disokong dengan pengesahan Pejabat Tanah bahawa Pelan Strata asal dan dokumen-

dokumen berkaitan telah diterima. Lembaga akan membuat bayaran berdasarkan atas maklumat mana yang di terima lebih awal iaitu sama ada **3 minggu selepas Pejabat Tanah menerima dokumen asal atau setelah penerimaan pengesahan bertulis JUPEN** bahawa permohonan adalah teratur.

3. Prosedur ini akan berkuatkuasa pada 8 Jun 1998.

Sekian untuk makluman tuan. Terima kasih.



(CHUN MING KEE, AMN PJK)

Setiausaha

Lembaga Jurukur Tanah
Semenanjung Malaysia